

15 AUG 1997

LEBIH 200 KENDERAAN AMBIL BAHAGIAN PROGRAM ARAK BENDERA

SHAH ALAM, 15 Ogos (Bernama) -- Lebih 100 buah kereta dan 100 motosikal akan mengambil bahagian dalam Program Motorthon Perpaduan Kibar Bendera 1997 yang akan bermula pada 25 Ogos ini.

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Zaleha Ismail berkata, program itu akan membawa peserta-peserta menjelajah seluruh pelusuk negara dengan membawa bendera negara sebelum berakhir di Dataran Merdeka pada 30 Ogos.

Sebanyak 280 peserta akan mengambil bahagian dalam program itu yang dibahagikan kepada enam kumpulan iaitu tiga di Semenanjung dan masing-masing satu di Sabah, Sarawak dan Labuan.

Beliau berkata di Semenanjung kumpulan itu akan bermula di Kangar untuk mewakili zon Utara, Kota Bharu bagi zon pantai timur dan Johor Bahru untuk zon selatan.

"Kumpulan itu akan disambut di setiap sempadan negeri yang mereka lalui dan di setiap ibu negeri, mereka akan disambut oleh Menteri Besar atau Ketua Menteri dengan diiringi oleh rombongan kumpulan kenderaan di negeri terbabit," katanya dalam majlis perasmian program itu di Auditorium EON di sini, pagi ini.

Menurut beliau lagi, Sabah dan Sarawak masing-masing akan diwakili oleh empat peserta manakala Labuan akan diwakili oleh dua orang yang menamatkan acara itu di ibu negeri masing-masing sebelum menyertai kumpulan yang lain di Kuala Lumpur.

Zaleha berkata acara kemuncak program itu adalah dengan penyerahan bendera negara oleh wakil kumpulan ini kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada "Malam Di Ambang Merdeka" di Dataran Merdeka pada 30 Ogos.

Beliau seterusnya meminta orang ramai supaya turut mengambil bahagian dalam program itu dengan menyambut kumpulan tersebut apabila mereka tiba ke kawasan masing-masing. -- BERNAMA

AZH PR